Nama :........................................................................ Kelas :............................................

ڤرسيدڠن ڤڠتوا٢ دان مجليس ڤڠتوا

معهد كراجاءن سكوله منڠه اوݢام (عرب) بنتوان

ياياسن اسلام كلنتن

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
# TAHUN 2024 M / 1446 H

5228
Pendidikan Syariah Islam
September 2024
2 jam 30 min

## PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas ini mengandungi tiga bahagian (Bahagian A,B dan C).*
2. *Jawab semua soalan bahagian A dan B.*
3. *Jawab satu soalan sahaja dari bahagian C.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dengan menggunakan tulisan jawi pada ruangan jawapan yang disediakan di dalam kertas soalan ini.*

**Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak**

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

## بهاݢين A

**[20 مركه]**

**جواب سموا سؤالن.**

**سؤالن 1 هيڠݢ سؤالن 6**

**ايسي تمڤت كوسوڠ دڠن جواڤن يڠ بتول.**

1. منليتي دان مميليه سسواتو بريتا تيدق سچارا ترݢاسا-ݢاسا دالم مموتوسكن سسواتو اداله ڤڠرتين باݢي ________ .

2. واجب مڤليديقي بريتا يڠ دباوا اوليه اورڠ ________ .

3. علماء مڠيستنباطكن حكوم واجب منسبكن انق اڠكت كڤد باڤ كندوڠ ملالوءي لفظ ________.

4. سبب نزول ايات 5 سورة الأحزاب اداله بركاءيتن انق اڠكت رسول الله يڠ برنام ________.

5. علمو ________ اداله علمو تنتڠ قاعده انتوق منتڤكن حكوم شرع.

6. ________ مروڤاكن اورڠ يڠ ڤرتام منوليس كتاب يڠ برنام الرسالة انتوق منرڠكن قاعده ڤننتوان حكوم .

**سؤالن 7 هيڠڬ سؤالن 10**

**ڤيليه جواڤن يڠ بتول باڬي ڤرڽاتاٴن يڠ دبري.**

7. تونتوتن شرع كاٴتس مكلف سوڤايا ملاكوكن سسواتو ڤربواتن دڠن تونتوتن تيدق تڬس.

(اباحة/ ندب).

8. ڤرسڤاكتن علماء مجتهدين درڤد اومت نبي محمد(ص) ترهادڤ حكوم شرع.

(القياس/ الإجماع).

9. "كل امرىء بما كسب رهين" لفظ كل اداله لفظ عام دالم بنتوق

(لفظ نكرة/ الفاظ الجموع).

10. لفظ يڠ منونجوقكن سسواتو ڤركارا يڠ تيدق ترتنتو دالم جنيسڽ تتاڤي دكاٴيتكن دڠن صفة يڠ مڠيكتڽ (مقيد/ مطلق).

**سؤالن 11 هيڠڬ 14**

**تنداكن (√) ڤد ڤرڽاتاٴن يڠ بتول دان (X) ڤد ڤرڽاتاٴن يڠ ساله.**

11. وقوف د عرفة مروڤاكن انتارا روكون حج. ( )

12. عقد المعاوضات اداله ساتو عقد انتوق منداڤتكن كنجرن سڤرتي كاٴونتوڠن .( )

13. طلاق بوليه برلاكو دالم بنتوق سچارا ليسن,إشارت مهوڤون توليسن. ( )

14. طلاق يڠ دبنركن انتوق رجوع كمبالي اداله سباٴيق تيڬ كالي. ( )

**سؤالن 15 هيڠڬ سؤالن 17**

**ايسي تمڤت كوسوڠ دڠن مميليه جواڤن يڠ دسدياكن د باوه.**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| جنايه | قصاص | تعزير | ملاكا | قدح |

15. اوندڠ-اوندڠ ______ مپاتاكن تنتڠ حكومن حدود،قصاص دان تعزير.

16. ڤوست ڤپيبرن إسلام سبلوم كداتاڠن ڤورتوڬيس اياله ______.

17. الدية اياله هرتا يڠ واجب دسرهكن كڤد واريث سباڬي ݢنتين كڤد حكومن حدود دان ______ يڠ تيدق داڤت دلقسكن .

**سؤالن 18 هيڠڬ سؤالن 20**

**توليس جواڤن يڠ بتول.**

18. زمان كراجأن بني ______ مولاكن ڤرلواسن نكارا إسلام سهيڠڬ داڤت مڠواساءي اوتارا افريكا،سڤاپول دان ولايه اسيا تڠه دان ايندي.

19. بهاس ______ منجادي بهاس اوتام كراجأن بني عباسية.

20. كوتا ______ برجاي دتاون اوليه سلطان محمد الفاتح دان دكمبڠكن منجادي ڤوست ڤمرينتهن دان ڤرداڬاڠن تركنل ڤد زمان كراجأن بني عثمانية.

## بهاݢين B

(60 مركه)

بهاݢين اين مڠندوڠي 3 سؤالن. جواب سموا سؤالن.

1. يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُلُواْ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَٱشْكُرُواْ لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ(١٧٢) إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةَ وَٱلدَّمَ وَلَحْمَ ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ بِهِۦ لِغَيْرِ ٱللَّهِۦ فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ (١٧٣) سورة البقرة

(a) ڤاتاكن **دوا** تونتوتن حكوم يڠ ترداڤت دالم ايات د أتس. (2مركه)

______________________________________________

______________________________________________

(b) هورايكن چارا علماء مڠيستينباطكن حكوم مڠعمليكن ڤماكنن يڠ حلال. (4 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(c) جلسكن **تيڬ** كريتيريا ڤماكنن يڠ حلال مڠيكوت شرع. (6 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(d) ترڠكن دوا كڤنتيڠن منجاك ڤماكنن دالم ڤمبنتوقن شخصية مسلم. (4 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**PANDUAN PENENTUAN MAKANAN HALAL MUSLIM DI MALAYSIA**

Makanan merupakan di antara perkara yang penting yang dititik beratkan oleh Islam terhadap umat Islam. Dewasa ini kita dapat melihat dan mendengar pelbagai isu yang berkaitan dengan pemakanan. Di antara isu pemakanan yang sentiasa menjadi perbualan antara masyarakat di Malaysia adalah pembongkaran pemprosesan sosej yang bersalutkan usus khinzir. Pembongkaran ini telah membuka mata masyarakat tentang berapa pentingnya pengetahuan tentang sumber pemakanan yang dimakan selama ini. Pihak–pihak tertentu seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri serta pihak yang berkenaan telah mengambil inisiatif bagi memastikan makanan, ubat-ubatan, kosmetik yang digunakan oleh masyarakat Islam di Malaysia benar-benar halal dan dibenarkan oleh Syarak.

(e) برداسركن ارتيكل د أتس ترڠكن انتارا عملن ڤماكنن يڠ حلال دان باءيق يڠ ڤرلو دعملكن دالم كهيدوڤن سسأورڠ مسلم (4 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عنهُمَا قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللهِ ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أُصِبْ مَالاً قَطُّ هُوَ أَنْفَسُ عِنْدِي مِنْهُ، فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا، قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ ، وأَنَّهُ لاَ يُبَاعُ أَصْلُهَا، وَلاَ يُبْتَاعُ وَلاَ يُورَثُ وَلاَ يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لاَ جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ مَالاً.﴿ رواه البخاري و المسلم ﴾

2. (a) ڤاتاکن دوا رکون وقف. (2 مرکه)

______________________________________________

______________________________________________

(b) جلسکن باݢايمانکه چارا علماء مڠيستينباطکن حکوم برکأين وقف. (4 مرکه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(c) ترڠکن دوا شرط هرتا وقف. (4 مرکه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(d) وقف ممإينكن ڤرانن يڠ ڤنتيڠ دالم ممباڠونكن ايكونومي اومت إسلام.
جلسكن تيك ڤرانن ترسبوت. (6 مركه)

______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________

| |
|---|
| - انچيق احمد مواقفكن سبيدڠ تانه ميليق ايهن |
| - ڤوان زينب مواقفكن ڤڠݢونأن رومهن كڤد ڤلاجر سكوله اݢام |

(e) ڤاتاكن حكوم دان السن باݢي مسأله بريكوت: (4 مركه)

______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________

3. (a) ڤاتاكن ڤڠرتيان طواف. (2 مركه)

______________________________________________
______________________________________________

(b) ترڠكن دوا جنيس طواف. (4 مركه)

______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________
______________________________________________



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

(c) ترڠكن دوا دانتارا لاراڠن احرام باڬي للاكي دان وانيتا. (4 مركه)

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

(d)

| مهر يڠ سدرهان ساڠت دڬالقكن دالم ڤركهوينن |
| --- |

جلسكن دوا حكمة منتڤكن مهر سدرهان دالم ڤركهوينن. (4 مركه)

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

(e)

| سأورڠ وانيتا تله دچريكن اوليه سواميڽ دڠن طلاق تيڬ دان سواميڽ ايڠين مروجوع سمولا |
| --- |

جلسكن ڤڽلساين باڬي سيتواسي ترسبوت. (6 مركه)

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

## بهاݢين C

**(20 مركه)**

**بهاݢين اين مڠندوڠي 2 سؤالن. جواب ساتو سؤالن سهاج.**

4. (a) ڽاتاکن ڤڠرتين القرءان. (2 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

(b) جلسکن 2 حکوم-حکام يڠ ترداڤت دالم القرءان بسرتا چونتوه. (4 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

| الزانية والزاني فاجلدوا كل واحد منهما مئة جلدة |
| --- |

(c) ترڠکن حکوم وضعي يڠ ترداڤت دالم نص دأتس. (4 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(d) (i) ڽاتاکن دوا ڤرينسيڤ ڤرونداڠن إسلام. (2 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

(ii) جلسكن دوا ڤربيذأن چيري-چيري اوندڠ-اوندڠ إسلام دان اوندڠ-اوندڠ بارت.

(4 مركه)

(e) ترڠكن 2 كسن ڤنجاجهن بارت ترهادڤ ڤلقسنأن ڤرونداڠن إسلام د مليسيا.

(4 مركه)

5. ( a ) ڤاتاكن ڤڠرتيان لفظ خاص.

(2 مركه)

| وما محمد إلا رسول قد خلت من قبله الرسل (آل عمران :144 ) |
|---|

(b) ترڠكن لفظ خاص باڬي نص د أتس.

(4 مركه)

(c) ترڠكن لاتر بلاكڠ كراجأن بني عباسية. (4 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(d) ڤاتاكن **دوا** اورڠ توكوه يڠ مشهور ڤد زمان كراجأن بني عباسية. (2 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

(e)

(i) هورايكن **دوا** ككمڤيلاڠن تمدون بني عثمانية داري سدوت ڤنتدبيرن. (4 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(ii) هورايكن **دوا** ڤكتور كمروسوتن تمدون بني عثمانية. (4 مركه)

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**SOALAN TAMAT**